

Imperialisme Barat dan Implikasi Ke Atas Pengislaman Borneo

Hashim Fauzy Yaacob
Kassim Thukiman

Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Sepertimana kesultanan-kesultanan yang lain di Nusantara, beberapa kesultanan di Borneo memainkan peranan yang aktif menyebarkan Islam di wilayah berkenaan. Sebahagian masyarakat pribumi seperti kaum Melanau di Sarawak memeluk Islam secara serentak dalam kumpulan yang besar. Hal ini berdasarkan kekeliruan dalam menentukan siapakah Melayu yang sebenarnya kerana banyak suku kaum yang menerima Islam tidak mengiktiraf diri mereka sebagai "Melayu tulin" walaupun telah memeluk Islam bagi membezakan diri mereka daripada golongan "Melayu tulin". Bagaimana pun kedatangan imperialis Barat seperti Sepanyol, Belanda, British, dan Portugis telah merencatkan perkembangan Islam di Borneo. Kertas kerja ini cuba menggarap implikasi daripada kedatangan imperialis ke atas penyebaran Islam. Hal ini kerana, Islam tidak meratai Kepulauan Borneo sepertimana Islam merupakan kelompok paling besar di kepulauan Nusantara yang lain seperti Jawa, Sumatera, Sulawesi, dan Tanah Melayu. Dengan keupayaan Kesultanan Brunai dan beberapa kesultanan di Kalimantan, Borneo sebenarnya berpotensi untuk di islamkan secara lebih meratai berbanding hari ini jika tidak kerana kewujudan imperialisme Barat.

Pendahuluan

Imperialisme merupakan tajuk yang popular khususnya dalam bidang sejarah kerana ia adalah fenomena dalam tamadun manusia lampau dan hari ini. Kajian berkaitan isu ini popular dalam kalangan sarjana di negara yang pernah terjajah dan negara bekas penjajah. Bahkan, teori-teori berkaitan imperialisme banyak lahir dalam kalangan sarjana dari negara bekas imperialis dengan nama-nama tersohor dalam bidang ini seperti Hobson (1948), Robinson, Gallaher, dan Snyder. Namun begitu tidak semua aspek imperialisme disentuh kerana terdapat pendekatan yang bersifat makro dan ada pula bersifat mikro sehingga beberapa aspek yang lain kurang diberi penekanan. Di Borneo tumpuan misalnya berfokus kepada sesuatu kawasan tanpa merangkumi seluruh kepulauan tersebut kerana wilayah-wilayah di Borneo mengalami pengalaman imperialisme daripada imperialis yang berbeza. Justeru itu kertas ini bertujuan memfokuskan kesan imperialisme secara khusus dengan tumpuan kepada kesannya ke atas penyebaran Islam di Borneo. Hal ini kerana pada asalnya penyebaran Islam di Borneo berlaku secara menyeluruh walaupun secara

peringkat demi peringkat di sesuatu tempat sebelum dibatasi oleh kuasa-kuasa imperialis.

Islam Di Borneo Sebelum Imperialisme

Menurut J.D. Ledge (1981: 61-62) penerimaan Islam berlaku dengan baik di pusat-pusat perdagangan tetapi kurang diterima di kawasan masyarakat pertanian pedalaman. Ini bukan bermaksud penerimaan Islam kerana perdagangan semata-mata kerana Islam diterima penduduk setempat kerana kesamarataan berbanding Hindu yang berkasta. Penerimaan Islam bagi seluruh Nusantara berlaku secara berperingkat-peringkat dan bertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu. Dengan itu sejarawan dari beberapa negara di Nusantara sering mendakwa negara tertentu lebih awal menerima Islam. Regitu juga terdapat negeri atau wilayah dalam sesebuah negara mendakwa wilayah mereka menerima Islam lebih awal berdasarkan bukti-bukti yang ada. Pandangan yang sama sering wujud apabila kita membicarakan kemasukan Islam ke Borneo. Bagaimanapun boleh disepakati bahawa masuknya Islam di Borneo secara aktif ialah pada abad ke 15 samada di Sabah⁴, Sarawak, Brunai⁵ dan Kalimantan.

Kalimantan

Walaupun Kalimantan tidak dianggap oleh ahli sejarah seagung kerajaan Srivijaya, Majapahit atau Melaka kerana majoriti penduduknya lebih merupakan golongan pribumi di pedalaman dan terpisah daripada dunia luar, namun terdapat beberapa kerajaan atau kesultanan yang berpengaruh dalam era Islam seperti Sambas, Sukadana, Landak dan Banjarmasin. Islam dikatakan bertapak di kalimantan sekitar 1475-1500. Sumber-sumber pengembara Barat mengenai Borneo antaranya oleh Roggewien dalam tahun 1712 membuktikan terdapat beberapa pusat perdagangan berhampiran Banjarmasin seperti Mempawah, Teya, Lando dan Sambas yang mengendalikan perdagangan yang besar dengan China dan Jepun sebelum daripada Portugis mengetahui jalan ke Timur melalui Tanjung Harapan. Dengan bilangan kapal China yang berada di kepulauan Borneo pengembara ini telah mencadangkan supaya perlu diwujudkan perdagangan dengan kepulauan ini. Justeru itu pada 1748 Belanda cuba mendesak pemerintah Banjarmasin untuk memberi mereka monopoli dalam perdagangan rempah.

Kerajaan berteraskan Islam awal tahun 1500 iaitu Sukadana/Matan, Sambas, Landak, Mempawah, Sintang, Sangau, Tayan, Meliau, Sekadau, Kubu, Pontianak biasanya diketuai sultan atau, wakil raja dikenali sebagai pengeran. Gelaran ini mempunyai banyak persamaan dengan gelaran pengeran di kawasan milik Kesultanan Brunai seperti di Sarawak. Walaupun Kalimantan mempunyai penduduk Islam yang sebahagiannya dari Sumatera, Jawa dan Bugis yang sangat berpengaruh di bahagian Pantai Timur Borneo dan sebahagian pantai barat tetapi asal usul Melayu Islam yang utama di Kalimantan seperti di Kapuas, Banjar dan Kutai ialah daripada kalangan Dayak yang memeluk Islam (King, 1993). Hal ini menunjukkan Islam memang turut tersebar ke pedalaman meskipun agak terbatas kerana ia berkembang secara berperingkat-peringkat.

Terbentuk beberapa kesultanan yang menurut penulis Barat tidak layak dipanggil sebuah negeri kerana terlalu kecil dan miskin.

Sesetengah ketua yang dipanggil raja tinggal di rumah yang dibuat daripada buluh. Keadaan ini berbeza daripada sesetengah kerajaan yang agak sederhana seperti Sintang atau kesultanan lebih besar seperti Pontianak atau Brunai yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa. Kewujudan negeri yang sederhana seperti Sintang, Silat, Suhaid, Selimbau, Jongkong dan Bunut serta yang lebih kecil seperti Gunung Tabur dan Sambaliung yang masyarakatnya beragama Islam menunjukkan kawasan-kawasan ini asalnya ialah wilayah pedalaman yang didiami kaum Dayak dan menerima Islam melalui proses penyebaran Islam. Menurut kajian Victor T. King (1993: 125), penduduk beragama Islam akan berkembang dalam sesuatu negeri kerana dasar pengeran mengembangkan agama tersebut dalam kalangan kaum Dayak. Seorang pengeran iaitu, Pangeran Haji Mohamad Abas misalnya telah mengembangkan Islam di sekitar Embau dan Sungai Bunut sehingga bilangan penduduk Islam di kawasan itu bertambah melalui proses pengislaman dan bukannya penghijrahan".

Islam mencapai kemajuan pesat setelah terdirinya kerajaan Banjar kesan pertolongan Kerajaan Demak ke atas Pangeran Samudera yang kemudiannya diangkat sebagai sultan pertama Kesultanan Banjar dan memeluk Islam dengan nama Sultan Surian Shah. Kerajaan Banjar bukan sahaja berpengaruh di kawasan pesisir pantai atau sungai tetapi dapat mengembangkan budaya Melayu-Islam Banjar sehingga ke penempatan Dayak di pedalaman ke-17. Seperti mana kelaziman di tempat lain Islam masuk secara damai dan membentuk masyarakat Islam sebelum terdirinya kerajaan Banjar meliputi wilayah Tabalong, Barito, Alai, Hamandit, Balangan, Kintap, Biaju Besar, Biaju Kecil, Sebangau, Mandawai, Katingan, Sampit dan Pambuang. Kerajaan Banjar juga mempunyai takluk seperti Sukadana, Sanggau, Sambas, Batang Luwai, Karasikan, Kota Waringin, Pasir, Kutai dan Berau. 14 Proses pengislaman Kalimantan boleh diurutkan daripada Kalimantan selatan (1540), Kalimantan Tengah (Kota Waringin, (1620), Kutai, Kalimantan timur (1700), Pontianak, Matan dan Mempawah (Kalimantan Barat 1741,1743, 1750).

Antara tokoh pendakwah terkemuka yang menyebarkan Islam di Kalimantan ialah Sayyid Abdul Rahman atau Khatib Dayyan. Di kawasan tertentu seperti Kalimantan Barat, antara tokoh berperanan ialah Syarif Abdul Rahman bin Syarif Husain dari Hadramaut dan Kiyai Gade dari Kerajaan Demak. Banjarmasin pada kurun ke-18 dan ke-19 juga merupakan satu lagi pusat peradaban dan pengajian Melayu Islam. Ulama yang paling masyhur yang mengasaskan pendidikan dan persuratan Melayu Islam di kawasan ini ialah Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (1710-1812) dengan kitab beliau yang termasyhur iaitu Sabil al-Muhtadin dan kitab perukunan. Beliau yang berada di Tanah Arab selama 30 tahun pulang pada tahun 1773 mengintegrasikan pengajian agama dan pertanian serta menyebarkan Islam di Kalimantan dan tempat-tempat yang lain. Ulama-ulama lain ialah Muhammad Nafis bin Idris bin Husain al-Banjari (lahir 1735) dengan kitab utama beliau al-Durr al-Nafir fil Bayan Wahda al-Asma Wa al-Zat al-Taqdis yang dicetak di Kaherah dan tersebar di seluruh Kepulauan Melayu.¹⁶

Brunai, Sabah dan Sarawak

Perkembangan Islam di Sabah dan Sarawak serta di Brunai sendiri tidak boleh dipisahkan daripada peranan kesultanan Brunai. Peranan Kesultanan Brunai turut diakui sarjana Barat seperti Franko de Sende dan Ocho Ftabudo. Menurut mereka pengaruh Kesultanan Brunai dalam penyebaran Islam turut merangkumi kawasan-kawasan di Filipina seperti di Balayan, Manila, Mindoro, Bonbon dan kawasan berhampiran.¹⁷ Brunai juga mempunyai pengaruh yang kuat meliputi keseluruhan Kepulauan Borneo dan pulau-pulauseperti Palawan, Suluk, Balayan, Mindoro, Bonbon, Balabak, Balambangan, Bangi, Mantanai dan Saludang¹⁸

Pengislaman Sabah mempunyai kaitan dengan Kesultanan Brunai kerana Sabah pernah menjadi sebahagian daripada Brunai. Semasa pemerintahan Awang Alak Betatar, Brunai mendakwa sebahagian besar Sabah termasuk kawasan Sandakan hingga ke Pulau Sebatik yang bukan di bawah Kesultanan Sulu adalah milik Brunai. Di Bahagian Pantai Barat

Sabah terdapat sebilangan besar penduduk dikenali sebagai orang Islam asal berasal dari Brunai yang menyebarkan Islam seperti di Papar, Sipitang, Membakut, Menumbuk dan sebagainya. Mereka menyebarkan Islam dalam kalangan kaum Bisaya yang tinggal di kawasan seperti Weston, Sipitang, Kuala Penyu dan Beaufort.

Biarpun teori-teori kedatangan Islam ke Borneo masih dipertikaikan, hakikat yang jelas ialah Islam telah bertapak dengan kuat di Brunai dan Borneo pada abad ke-17 dan menurut catatan Pigafetta pada tahun 1521, Kerajaan Brunai sebuah Kerajaan Islam yang kuat di bawah pemerintahan Nakhoda Ragam atau Sultan Bolkiah, raja kelima Brunei. Kekuatan pengaruh kesultanan ini telah memperkembangkan Islam di Sarawak terutama melalui penempatan syarif-syarif di kawasan tersebut. Pengaruh Islam terutamanya melalui orang Arab dianggap kuat kerana kegiatan dakwah mereka berjaya mengislamkan orang Sarawak di kawasan pesisir, terutama orang Melanau.

Menurut Abdul Rahman Rukaini²¹, kedatangan Islam ke Sarawak seperti juga di kawasan Alam Melayu yang lain, telah mengubah kepercayaan dan pemikiran orang Melayu serta mengubah Weltanschauung masyarakat Melayu daripada kepercayaan animisme kepada kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa, daripada kepercayaan yang bersifat mythological kepada pemikiran yang rasional.

Keseluruhan orang Melayu-Islam Sarawak berlandaskan kepada aliran sunni. Dengan itu, amalan orang Islam Sarawak dalam keagamaan tidak banyak berbeza dengan masyarakat Melayu Islam di tempat lain. Mereka meyakini agama sebagai sesuatu yang asas dalam kehidupan dan sebagai satu sistem etika. Institusi-institusi keagamaan seperti masjid dan surau menjadi jantung nadi kepada jalinan persaudaraan komuniti. Islam sebagai satu sistem hidup dan kepercayaan telah menjadi alat penyatuan dalam kalangan mereka tanpa mengira status.

Imperialisme Di Borneo

Kegiatan imperialisme di rantau Borneo melibatkan beberapa kuasa yang aktif seperti

Spanyol, Amerika, Belanda dan British. Seperti selalu di bincangkan oleh sejarawan, dua kuasa yang paling berpengaruh di Borneo ialah Belanda dan British. Dua negara imperialis ini dianggap oleh Nicholas Tarling sebagai "exclusive lord of the East" terutama selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 yang menganggap Nusantara adalah milik mereka.

Perluasan kuasa Belanda berlaku secara berpeingkat-peringkat di Indonesia tetapi berbanding dengan Jawa dan Sumatera, gerak mara mereka di Borneo lebih mengikut gaya British di Tanah Melayu iaitu lebih menggunakan perjanjian. Ini berlaku antara 1898 hingga 1901. Di Bahagian Pantai Timur perjanjian dibuat dengan pribumi dengan meletakkan seorang residen di Kutai sebagai satu kaedah menghadapi pengaruh Brooke yang didokong oleh pihak British. Pada tahun 1908 Kutai terpaksa menyerahkan Ulu Mahakam kepada Belanda, Kesultanan Pasir telah musnah dalam tahun tersebut dan begitu juga Berau dan Bulongan pada tahun 1909.

Di Sarawak aktiviti imperialis mula dilakukan oleh rakyat British James Brooke sejak awal 1840an dengan mengenakan tekanan untuk mendapatkan wilayah-wilayah milik Kesultanan Brunai. Atas tekanan-tekanan yang dilakukan oleh Brooke, Sultan Brunai terpaksa menyerahkan Sarawak kepada Brooke pada 1 haribulan Ogos 1842 dengan bayaran sebanyak 1,000 pound tiap-tiap tahun kepada Sultan Brunai.

Akibat daripada ancaman-ancaman yang dilakukan oleh musuh-musuh beliau yang terdiri daripada orang Iban dan ketua-ketua Melayu seperti Sherip Masahor, Sherip Sahap, kegiatan perlanunan serta dengan terbunuhnya Raja Muda Hassim yang didakwa sahabat karib beliau, Brooke telah menggunakan alasan-asalan ini untuk meluaskan wilayahnya. Perluasan wilayah dilakukan dari Sungai Samarahan hingga ke Mukah dalam tahun 1846 dan kemudiannya ke Bintulu pada tahun 1860. Dengan itu, sehingga tahun 1860 wilayah Sarawak menjadi tiga Bahagian, iaitu daripada Tanjung Datu hingga ke Sungai Oya dan kemudiannya ke Tanjung Kidurung. Perluasannya wilayah ini diteruskan oleh penggantinya Charles Brooke, iaitu dengan

mengambil kawasan dari Tanjung Kidurung hingga ke Tanjung Baram pada tahun 1882, Daerah Sungai Trusan tahun 1884, Daerah Limbong tahun 1890 dan Lawas tahun 1905.

Di Sabah, imperialisme mula bertapak setelah pengambilan Labuan daripada Kesultanan Brunai pada 1846 dan pengambilan Sabah oleh Chatered Company. Chatered Company telah membentuk satu pentadbiran dikenali sebagai Borneo Utara atau Sabah pada hari ini. Kedua-dua wilayah iaitu Sarawak dan Sabah secara resmi telah diserahkan kepada Kerajaan Mahkota British pada tahun 1946 oleh rejim Brooke dan North Borneo Company. Brunei pula turut bemaung di bawah pemerintahan British.

Pandangan Imperialis Tentang Islam

Pandangan imperialis tentang Islam dan orang Melayu Islam boleh dilihat daripada dua perspektif iaitu pertama, penulis dari kalangan imperialis yang terdiri daripada pengembara seperti Horace St. John dan Snouck Hurgronje. Sebahagian daripada mereka boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Snouck Hogranje merupakan antara penulis yang berpengaruh sehingga menyumbang kepada pembentukan banyak polisi kerajaan Belanda di Indonesia. Perspektif kedua ialah daripada tokoh-tokoh imperialis yang terdiri daripada pentadbir atau pegawai kolonial seperti Raffles, Spenser St. John dan Hugh Low yang membuat polisi tetapi mereka juga kadang-kadang membuat catatan dan menulis buku-buku yang menjadi rujukan pengembara yang lain. James Brooke misalnya menjadikan karya Raffles sebagai panduan memahami sifat-sifat orang Melayu dan keadaan di Nusantara.

Terdapat penulis atau pengembara yang membuat penelitian dan penghuraian secara objektif mengenai masyarakat di Borneo. Begitu juga terdapat banyak penghuraian tentang pemerintahan, sistem sosio-budaya, tentang masyarakat Melayu-Islam dan tentang Islam itu sendiri dibuat secara yang tidak objektif, berat sebelah, prejudis, mempunyai sikap permusuhan dengan tujuan untuk memburuk-burukkan agama Islam dan penduduk pribumi.

Penulis yang bersifat prejudis dan berat sebelah seolah-olah senada dalam menghuraikan sesuatu berkaitan masyarakat di Nusantara amnya dan di Borneo khususnya. Ramai yang mempunyai perspektif yang hampir sama iaitu sistem kesultanan Islam adalah sistem yang menindas, masyarakatnya terlibat dengan kegiatan perlanungan dan sebagainya. Penghuraian golongan ini sama ada dalam buku, jurnal atau akhbar memberi impak yang besar kepada agama Islam termasuk menyemarakkan semangat pendokong agama Kristian untuk bersaing mengembangkan agama itu atas dokongan imperialis. Agenda gold, gospel and glory yang didokong oleh imperialisme peringkat awal tidak terhenti meskipun imperialisme selepas era 1870-an dikatakan bermotifkan ekonomi seperti yang dihuraikan oleh pengkaji-pengkaji imperialisme seperti Hobson, Snyder, Gallaher dan lain-lain. Dalam kertas ini penulis akan membincangkan beberapa pandangan imperialis terhadap Islam dan orang Melayu Islam.

Konsep Mohammedan dan Mohammedanism

Sama ada disadari atau tidak imperialis menggunakan perkataan Islam dan Mohammedan atau Mohammedanism secara silih berganti. Di Sarawak konsep Mohammedan turut digunakan dalam laporan-laporan resmi seperti warta kerajaan dan laporan Supreme Council. Antaranya seperti berikut:

"H.H. the Rajah addressed the Mohamedan members and asked them if any change could be made in the division of the property of the late " ²³

Dalam satu laporan Supreme Council yang lain:

"The Council was convened this day when the Malay Mohamedan Members placed before H.H. the Rajah in Council a code of Laws which they wished to have approved..." ²⁴

Konsep Mohammadan atau Mohammadenism ternyata suatu yang salah daripada pandangan Islam kerana ia seolah-olah merupakan agama yang berlandaskan pemikiran Nabi Muhammad atau pandangan yang menyamai agama Kristian iaitu Christian

atau Kristianiti yang berasal daripada perkataan Jesus Christ.

Pandangan terhadap orang Melayu dan Orang Islam

Dalam beberapa perkara laporan oleh penulis dan pengembara boleh menggambarkan keadaan orang Islam di Borneo, tetapi dalam beberapa perkara yang lain ia tidak objektif dan tidak tepat. Bock misalnya menukikan:

"Like most mohammedans, the Sultan is very punctual in the performance of his religious duties. Although a Hadji he has never performed in the Mecca journey, but has sent his representative to offer prayer at the Kaba and kiss the feet of the Shereef of Mecca. Every year he gives large sums of money for pilgrims to offer at the shrine of the prophet" ²⁵

Laporan ini menunjukkan amalan mengerjakan haji sebagai salah satu rukun daripada lima rukun Islam merupakan amalan yang menjadi kelaziman sebahagian ummat Islam di Kalimantan dalam abad ke-19 bahkan beberapa abad sebelum itu meskipun melibatkan perjalanan yang jauh iaitu antara Borneo dan Semenanjung Tanah Arab. Bagaimanapun terdapat beberapa keraguan dalam laporan penulis-penulis seperti ini yang mungkin disebabkan oleh sikap prejudis seperti laporan yang menyatakan sultan meminta supaya dicium kaki Sherif Makkah kerana amalan itu tidak pernah dianjurkan oleh agama Islam.

Terdapat beberapa sebab cara penulisan yang demikian, antaranya kerana penentangan kerajaan-kerajaan Islam terhadap dasar imperialisme Barat. Pengalaman buruk daripada penentangan menyebabkan timbul kebencian sepertimana tulisan J.H. Moor dalam Singapore Chronicle tentang orang Bugis. Moor menulis:

"There is an old Bugis proverb, known to almost child of six years of age: it has indeed resolved itself into a precept of the Koran. I have frequently heard the following question put to the boys during the puasa month: "Should you meet in the jungle at the same moment a tiger, a black snake, and a European, which would you kill first? "

Moor menulis sedemikian kerana sikap orang Bugis yang tidak menyenangkan orang Barat di atas usaha-usaha Barat menggugat masyarakat dan pemerintahan serta pengaruh orang Bugis dalam perniagaan serta pemerintahan di Sulawesi dan Borneo. Kecenderungan yang sama dilakukan oleh mereka di negeri-negeri Borneo Utara.

Tentang Sarawak, sesetengah penulis menggambarkan sikap orang Melayu-Islam dari sudut pandangan etnosentrik dan kristian-sentrik. Penulisan yang sebegini bertujuan menghina atau merendah-rendahkan orang Melayu dan agama Islam yang dianuti mereka. Penulis-penulis yang menulis dari sudut pandangan ini antaranya Hugh Low dan Horace St. John. Horace St. John dalam 'The Indian Archipelago, its History and Present State, Volume II, tahun 1853 menyatakan:

*The Malays are Mohamedans, living under the rule of the prophets descendents, a mongrel race of tyrants, gamblers, smokers, pirates and chiefs, who divide their time between cock fighting, smoking, concubines and collecting taxes.*²⁷

Pandangan ini berbeza sekali dengan pandangan yang telah diberikan oleh Spenser St. John yang menyatakan:

The Malays are faithful to their relatives and devotedly attached to their children. Remarkably free from crimes, and when they are committed they generally arise from jealousy. Brave when well led, they inspire confidence in their commanders; they are highly sensitive to dishonour, the tenacious as regards their conducts toward each other, and being remarkably polite manner, they render agreeable all intercourse with them. Malays are generally accused of great idleness, and in some sense they deserve it; they do not like continuous work, but they do enough to support themselves and families in comfort, and real poverty is unknown among them.

Gambaran-gambaran yang telah diberikan itu juga bertujuan untuk memperlihatkan bahawa orang Melayu-Islam bukan satu bangsa yang bertamadun dan mempunyai sistem kehidupan yang teratur. Akan tetapi jika dilihat kepada sistem-sistem sosiopolitik dan ekonomi orang Melayu-Islam yang wujud di Sarawak ternyata sekali pandangan sedemikian tidaklah tepat dan benar.

Islam Adalah Ancaman Kepada Imperialis

Kebanyakan penentangan yang dilakukan ke atas imperialis pada awal-awal penjajahan menerima pengaruh Islam dan didokong oleh tokoh agama. Pengalaman Belanda di Indonesia menghadapi Perang Diponegoro, Perang Padri dan Perang Aceh serta pengalaman menghadapi Raja Ali Haji di Riau membuatkan Imperialis menganggap Islam adalah ancaman. Pengkaji-pengkaji sejarah Barat turut mengakui hakikat ini. Bastin dan Benda menganggap Islam bukan sahaja menjadi elemen penting bersifat anti Kristian tetapi sebagai satu tenaga khususnya di Indonesia yang menentang ketuanan orang kafir. J. D. Legge pula menegaskan agama Islam menjadi satu lambang penentangan terhadap kuasa asing akibat daripada bertambah mendalamnya pengaruh agama Islam. Di bahagian utara kepulauan Borneo golongan sherif memainkan peranan yang sama meskipun sejarawan Barat selalu menyebut ia hasil tindakbalas golongan ulama, sherif atau pembesar implikasi daripada kepentingan-kepentingan mereka yang dirampas oleh imperialis. Secara tidak langsung seperti di abad ke-21 agama Islam itu sendiri dianggap sebagai ancaman. Perspektif Imperialis dipengaruhi oleh penentangan sengit yang mereka hadapi di samping fakta-fakta dan tafsiran yang diambil daripada buku-buku tulisan pengembara dan pentadbir yang menulis buku atau catatan, serta nasihat golongan tertentu sepertimana dilakukan Hurgronje.

Pendirian sedemikian mendorong Imperialis membuat polisi yang keras ke atas peranan agama Islam. Di Indonesia pemerintah Belanda melibatkan Ratu Belanda dan Gabenor General membuat pengawasan yang ketat dengan

melantik bupati untuk mengawal ulama. Belanda bahkan meletakkan pemerhati di Jeddah, Culcutta, Singapura dan Cairo untuk mengawal jemaah haji dan turut mengawal sistem pemergian ke Mekah. Belanda juga cuba memisahkan antara agama dan politik. Polisi-polisi ini memperolehi pandangan-pandangan Snouk Hurgonje. Belanda berpura-pura bersikap neutral terhadap agama untuk menipu ulama, peruntukan untuk gereja adalah tinggi tetapi untuk Islam diwujudkan peraturan demi menjaga keamanan.

Kesan Imperialisme Barat Terhadap Penyebaran Islam

Dipengaruhi pespektif seperti dinyatakan di atas beserta dengan agenda asal imperialisme untuk menyebarkan ideologi, agama dan sistem pemikiran mereka, kuasa imperialis telah mengamalkan banyak dasar yang memberi impak yang besar kepada penduduk tempatan, antaranya ke atas Islam. Imperialisme yang berlaku ke atas kerajaan utama di Borneo khususnya ke atas wilayah milik Kesultanan Brunai dan Kerajaan di Kalimantan Barat dalam jangkamasa pendek atau panjang secara langsung telah menyekat penyebaran Islam. Sebelum ini semua kesultanan Islam termasuk dari luar Borneo seperti Demak dan Sulu mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pengislaman masyarakat Borneo. Imperialisme juga telah membataskan peranan pedagang-pedagang Timur Tengah dan Pedagang Islam dari India serta Parsi yang juga berpengaruh dalam penyebaran Islam. K.N. Chowduri yang meneliti penguasaan pedagang Islam di Lautan Hindi dari abad ke-7 hingga ke-14 dengan jelas memaparkan peranan tersebut kerana pusat-pusat perdagangan dalam tempoh tersebut terletak di bawah kerajaan Islam di Timur Tengah, India dan Nusantara. Kegiatan pedagang Islam yang kian terbatas sedikit sebanyak mempengaruhi penyebaran Islam. Dalam kertas ini tiga kesan utama yang membataskan penyebaran Islam diutarakan iaitu penyusutan dalam kegiatan dakwah, halangan oleh pihak imperialis dan persaingan dengan kristianisasi.

Penyusutan Dalam Kegiatan Dakwah

Memang banyak pertikaian tentang siapakah paling berperanan dalam menyebarkan Islam di Nusantara. Terdapat sarjana seperti Syed Naquib al-Atas yang condong kepada peranan ahli sufi, tetapi sarjana merumuskan penyebaran Islam berlaku kerana peranan pedagang, pendakwah, ahli sufi, pemerintah di Nusantara sendiri (contoh Kesultanan Melaka, Brunai, Aceh, Demak dan Banjarmasin) serta perkahwinan. Apa juga kecenderungan mana-mana sarjana, dalam ajaran Islam, setiap umatnya berkewajipan menyampaikan ajaran Islam. Ajaran ini meresapi pegangan seorang Islam tidak kira mereka pedagang, pendakwah atau pemerintah. Dengan itu Islam tersebar bukan melalui satu kaedah atau disebabkan peranan segolongan sahaja tetapi bersifat menyeluruh. Dapat diperhatikan apabila imperialisme melanda Nusantara khususnya di Borneo ia memberi kesan kepada pedagang Islam dan kuasa kesultanan yang sangat berpengaruh dalam penyebaran Islam. Dalam jangkamasa pendek atau panjang ia telah menyusutkan kegiatan dakwah.

Penyusutan dakwah melibatkan peranan tenaga-tenaga penting di sebalik penyebaran Islam iaitu sultan, pembesar tempatan, sherif, makdum, dan ulama. Terbatasnya kuasa politik yang didokong oleh sultan dengan pengaruh kuat ulama telah menyusutkan dakwah dalam beberapa keadaan. Petama, tumpuan dalam strategi menghadapi penjajah. Kesultanan Brunai dan lain-lain kesultanan di Borneo misalnya lebih menumpukan perhatian kepada bagaimana menghadapi kelicikan imperialis untuk menguasai wilayah-wilayah milik mereka dan terpaksa mengurangkan peranan mereka dalam penyebaran Islam.

Kedua, kemerosotan ekonomi dan ketenteraan akibat pencerobohan menyebabkan kelemahan sesuatu institusi pemerintahan. Kekuatan pengaruh Kesultanan Brunai antara lain ialah berpunca daripada kedudukan ekonomi kerana penguasaan dalam perdagangan. Kesultanan-kesultanan Islam di Asia Tenggara amnya dan Borneo khususnya ialah kerajaan yang berasaskan kekuasaan maritim yang menguasai perdagangan.

Kemerosotan pengaruh mereka dalam perdagangan kerana dihancurkan oleh imperialis melemahkan kedudukan mereka termasuk dalam ketenteraan yang turut memberi kesan kepada kegiatan penyebaran Islam.

Ketiga, penglibatan imperialis dalam mengapi-ngapi pemerintah tempatan yang terlibat dalam konflik dengan pembesar lain menyebabkan timbul konflik yang lebih tajam sehingga tumpuan diberikan kepada menghadapi persengketaan yang melemahkan pemerintahan yang lebih dominan walaupun sokongan imperialis diberikan kepada pembesar yang kurang dominan. Keempat kekuatan yang berkurangan dalam menguasai wilayah taklok menyebabkan perpecahan dan kerajaan pusat yang sedia ada terpaksa bertahan untuk mempertahankan kewibawaannya. Kelima, Terdapat kerajaan yang kehilangan terus kuasa pemerintahan terutama kerajaan kecil yang menyebabkan peranan mereka tehakis dari segi moral kerana kekalahan kepada imperialis, walaupun sebelumnya kerajaan ini dapat mempengaruhi masyarakat pribumi lain sepertimana pengaruh golongan pengeran di Sarawak dan beberapa kerajaan kecil di Kalimantan, kerana sistem pentadbiran mereka yang lebih sofistikated dan dapat mempengaruhi masyarakat pribumi lain. Apabila ini berlaku kerajaan yang berkuasa iaitu Inggeris dan Belanda membuka ruang kepada penyebaran Kristian. Keenam, keupayaan pendakwah berkurang kerana tiada dokongan kuat dari kuasa politik, apatah lagi kekangan menghadapi penjajah yang lebih berkuasa. Peranan kuasa politik sangat penting sebelum kedatangan imperialis dalam mendokong golongan pendakwah. Pengembara Norway Carl Bock menukulkan Sultan Kutai sendiri menghantar ulama untuk berdakwah dalam kalangan Dayak Long Wai, yang mana usaha ini berjaya apabila dua raja Dayak di Long Wai memeluk Islam.

Satu ciri yang unik tentang penyebaran Islam di Borneo berbanding di kawasan lain ialah peranan satu golongan yang dikenali sebagai syarif. Peranan syarif tidak terbatas di Sarawak, Brunei dan Sabah sahaja tetapi juga di Kalimantan. Syarif biasanya dikaitkan

dengan keturunan Arab. Sebahagian golongan ini menjadi pembesar di beberapa kawasan dengan persetujuan sultan. Selain daripada yang terpaksa berkonflik dengan imperialis seperti syarif sahap dan syarif masahor di Sarawak, terdapat golongan ini yang tidak lagi aktif datang ke Borneo setelah wilayah-wilayah Borneo dikuasai imperialis.

Begitu juga dengan golongan pedagang. Ekonomi perdagangan sangat penting yang menjalinkan hubungan dagang antara pusat perdagangan yang berasaskan negara kelautan dengan kawasan pedalaman berteraskan pertanian. Banyak perubahan dari segi sosio ekonomi dan keagamaan bertukar melalui hubungan ini kerana orang Islam menguasai perdagangan. Ia melibatkan orang Melayu Islam tempatan dan pedagang Muslim dari negara Arab dan India yang menguasai perdagangan dunia waktu itu, iaitu antara abad ketujuh hingga abad ke-14. Penguasaan ekonomi melalui sistem *laissez faire* dan monopoli oleh British dan Belanda telah menyekat pengaruh pedagang Islam dan sekaligus menyekat penyebaran Islam yang sangat nyata daripada berkurangnya penyertaan pedagang Islam setelah pelabuhan-pelabuhan utama yang menjadi tumpuan mereka diambil alih oleh imperialis.

Selain daripada itu imperialisme melibatkan peperangan. Peranan golongan ulama dalam peperangan menghadapi imperialis sangat penting. Seperti yang dinyatakan oleh Bastin dan Benda atau J.D. Legge, Islam merupakan tenaga dalam penentangan menghadapi imperialisme. Banyak alim ulama terbunuh kerana mereka berperanan melancarkan jihad seperti yang berlaku dalam Perang Jawa, Perang Aceh, Perang Banten, Perang Makasar dan Perang antara Belanda dengan Riau. Golongan ulama yang biasanya sangat berperanan dalam kegiatan dakwah kerana pengaruh daripada kewibawaan mereka atau kerana mereka diutus oleh pemerintah telah mengalami penyusutan disebabkan ramai di antara mereka terbunuh dalam peperangan menghadapi imperialisme.

Halangan Ke Atas Penyebaran Islam

Halangan boleh berlaku dalam pelbagai cara, antaranya kawalan yang ketat pihak imperialis termasuk melalui ketenteraan ke atas rakyat bagi membataskan pergerakan mereka bukan sahaja dalam aktiviti penyebaran ke luar bahkan aktiviti-aktiviti dalam masyarakat yang mungkin dianggap sebagai berpotensi menanamkan bibit-bibit penentangan terhadap kuasa imperialis. Nicholas Tarling menyatakan dalam era berakhimya perang Jawa pada tahun 1830, Royal Netherland Indies Army (KNIL) secara resmi dibentuk. Jumlah tentera Belanda di Hindia Belanda 13555, daripadanya 6000 adalah Eropah. Pada tahun 1883 jumlahnya bertambah berkali ganda iaitu mengandungi 1218 pegawai dan 26678 tentera. Daripadanya 10343 adalah Eropah, 1744 Ambon dan 14591 Jawa, Sunda, Bugis dan Madura.

Spanyol yang sampai di Filipina pada tahun 1565 dan berjaya menawan Manila 1571 telah membataskan penyebaran Islam di Kepulauan Luzon dengan cara menyekat pengaruh Brunai di kepulauan itu termasuk membinasakan rakyat Brunai yang berniaga di Luzon.³⁵ Di Brunai pemusnahan yang cuba dilakukan oleh Sepanyol ialah pemusnahan total iaitu bukan hanya melumpuhkan perdagangan Brunai sahaja tetapi bertujuan melumpuhkan seluruh kekuatan termasuk penyebaran Islam yang memberi impak bukan sahaja di Borneo tetapi bahagian utara Filipina. Hal ini dapat dilihat apabila Sepanyol turut membakar masjid di Brunai setelah kegagalannya memusnahkan Brunai secara mutlak.

Kerajaan imperialis juga membuat pelbagai polisi dan undang-undang bagi mengawal aktiviti orang Islam dan institusi-institusi mereka. Seperti dinyatakan Hussin Mutalib undang-undang Islam misalnya telah dibirokrasikan dan dikawal oleh pegawai imperialis yang menggunakan "model sekular" sama ada oleh British atau Belanda. Undang-undang syariah diganti dengan undang-undang sekular. Undang-undang di bawah kadhi juga mendapat nasihat daripada pegawai British dengan kewujudan Majlis agama Islam. Di Indonesia undang-undang syariah dan adat yang berada di bawah sultan dan hakim

bertukar. Kebimbangan pihak berkuasa Belanda kepada ulama telah mendorong Belanda mengetatkan sebarang aktiviti dan mengurangkan amalan syariah.³⁸

Persaingan dengan Proses Kristianisasi

Penulis menentang tiga teori kristianisasi iaitu teori kuasa paksaan, teori propogasi, dan teori kuasa imperialisme. Teori paksaan ialah penyebaran agama kristian secara paksaan yang dilakukan secara kekerasan sepertimana yang dilakukan Sepanyol dan Portugis ke atas masyarakat pribumi di Amerika Latin. Teori propogasi ialah penyebaran secara pemujukan oleh mubaligh manakala teori kuasa imperialism ialah penyebaran dilakukan setelah imperialism berlaku. Imperialism membuka ruang kepada penyebaran agama itu. Penyebaran melalui kuasa imperialism mempunyai perbezaan dengan dengan kuasa paksaan dan propogasi walaupun terdapat unsur-unsur kedua-dua kaedah tersebut dalam imperlisme.

Pendekatan propogasi berlaku melalui perdagang dan paderi dalam "satu kapal" (together in one ship) yang mana menurut Robequain "The aims are not identical, but yet the glory." Unsur-unsur propogasi dilakukan dalam imperialism apabila mubaligh memperolehi kesempatan tersebut setelah imperialism berlaku. Contoh melalui pembukaan sekolah. Mubaligh tidak memaksa anak-anak masyarakat terjajah untuk memasuki sekolah mubligh sebaliknya lepasan sekolah ini diberi peluang mendapat pekerjaan dalam sistem pemerintahan imperialis. Kaedah ini tidak menunjukkan imperialis memaksa sepertimana di Amerika Tengah tetapi memberi ruang kepada mubaligh melaksanakan penyebaran dengan bebas dalam kalangan masyarakat kolonial.

Menurut Penulis Perancis Charles Robequain penyebaran Kristian berlaku seiring dengan eksploitasi dan pendudukan wilayah. Seperti di Amerika, penyebaran Kristian mula dilakukan oleh Sepanyol dan Portugis. Sebelum Inggeris dan Belanda, Peranan Sepanyol lebih menonjol di Borneo melalui gangguan yang dilakukan ke atas kesultanan Brunai.

Di Kalimantan gerakan penyebaran agama Kristian bermula sejak 1836. Kegiatan Evangelical hingga 1935 telah berjaya menarik seramai 80,00 orang memeluk agama itu iaitu terdiri daripada golongan Dayak dipedalaman yang kebanyakannya ialah Roman Khatolik.

Di Sabah Kristian mula dikembangkan abad ke-18. Pertubuhan Kristian yang mula datang ke Sabah ialah Roman Catholic yang menjalankan kegiatan sejak 1850-an, Anglican, Persatuan Perkembangan Injil, Persatuan Mubaligh gereja Australia, Gereja Persendirian Basel Borneo, Seven Day Adventists, St. Josephs Foreign Missionary Society of Mill Hill, England dan Borneo Evangelical Mission.¹⁰ Badan-badan kristian ini bukan sahaja mendirikan gereja tetapi juga sekolah-sekolah misionari. Muhiddin Yusin dalam penelitiannya menganggap kedatangan imperialis telah menghapuskan ketenteraman, kehormatan dan kedamaian yang dialami oleh masyarakat pribumi kerana penjajah tidak bermatlamatkan ekonomi sahaja tetapi membawa nilai sekular dan kristianisasi. Imperialis di Sabah menjadikan agama Kristian sebagai agama paling kuat yang dapat menarik penduduk yang belum beragama untuk memeluk Kristian. Kegiatan badan-badan Kristian mendapat perlindungan dari penjajah sama ada Chatered Company maupun pentadbiran British yang bermula pada tahun 1946. Tempias kegiatan ini dirasai oleh masyarakat Islam apabila sistem pendidikan sekular menjauhkan sedikit-demi sedikit umat Islam daripada agama Islam.

Proses Kristianisasi berlaku dengan ketara di Sarawak. James Brooke ketika datang ke Sarawak telah membawa bersama-samanya paderi Kristian. Pada tahun 1848 dua orang pengembang agama Kristian dari Anglican Church, iaitu Francis Mc Dougall dan Doktor Priest tiba di negeri itu. Selepas persaraan Mc Dougall pada tahun 1869, aktiviti mengembangkan agama Kristian telah diteruskan oleh paderi-paderi yang lain, iaitu Walter Chambers 1870-1881, Frederick Hose 1881-1907, Robert Monsey 1909-1917, Logie Densen 1917-1932, Noel Hudson 1932-1937, Francis Hollis 1938-1948, dan Nigel Cornwall 1949. Selain Anglican Church, Mission Roman

Khatolik juga telah tiba di Sarawak pada tahun 1881. Galakan kepada badan-badan Kristian ini menyebabkan banyak lagi mubaligh Kristian datang ke Sarawak. Pada tahun 1900 American Methodist Mission telah sampai di Sibiu.

Satu perkara yang penting dengan kedatangan mubaligh-mubaligh Kristian ini ialah mereka bergerak cergas untuk menyebarkan agama Kristian melalui usaha-usaha mendirikan sekolah. Usaha pertama telah dilakukan oleh Anglican Church, kemudian diikuti oleh Roman Khatolik. Kedua-dua mazhab ini mendirikan sekolah seperti Sekolah St. Joseph 1883, St. Tresa, dan Convent 1885. Pada tahun 1900 mubaligh Methodist telah menjalankan kegiatan mereka dengan mendirikan sekolah Methodist di penempatan orang Cina keturunan Foochow di Sibiu.

Brooke mempunyai sikap seorang imperialis tulen sehingga dikedah oleh akhbar khususnya liputan yang dibuat oleh The London Times kerana menyerang penduduk pribumi atas alasan mereka adalah lanun. Namun begitu sikapnya terhadap penyebaran Kristian agak berbeza iaitu ia mahukan penyebaran dilakukan secara pujukan. Di samping itu beliau menentang usaha dilakukan ke atas orang Islam.⁴³ Kedatangan mubaligh Kristian bukan sahaja mencabar kedudukan agama Islam tetapi juga melahirkan satu sistem pendidikan sekular yang berlainan coraknya daripada sistem pendidikan orang Melayu. Orang Melayu sebelum kedatangan Brooke lagi telah mempunyai sistem pendidikan mereka yang tersendiri berlandaskan agama Islam.

Kristian menghadapi kesukaran bahkan tidak berjaya untuk menyebarkan agama itu apabila masyarakat setempat telah menerima Islam. Sepertimana pernyataan Robequain "The boundary of the Christian region, which does not include all the Philipines, the Sulu Island and even Mindanao being excluded in convincing evidence that Christiastinity has found great difficulty in securing a footing among people already set fast in IslarriM Menurut Aqib Suminto, kristianisasi mempunyai hubungan yang erat dengan masalah menghadapi Islam di Nusantara.

Walaupun kristianisasi tidak dapat memecahkan tembok masyarakat yang telah menerima Islam, imperialisme Barat telah memberi ruang kepada kristianisasi yang impaknya ialah wujud persaingan sengit antara Islam dan Kristian. Kecenderungan imperialis untuk mempertahankan Kristian dan membendung Islam telah menyekat usaha-usaha penyebaran Islam khususnya dalam kalangan masyarakat pribumi sendiri untuk menyebarkan agama Islam ke atas masyarakat pribumi lain yang belum menerima Islam.

Simpulan

Sarjana selalu membahaskan implikasi imperialisme ke atas politik, sosio-budaya dan ekonomi negara-negara yang dijajah. Bagaimanapun di Borneo kecenderungan terutama dalam bidang Antropologi lebih

tertarik kepada kajian seperti etnografi golongan pribumi di pedalaman. Sejarahwan pula banyak memfokus kepada kesan-kesan seperti kebangkitan politik. Tumpuan terhadap implikasi ke atas agama Islam tidak banyak diperkatakan terutama dalam konteks penyebaran Islam walaupun penulis banyak menegaskan, imperialisme tidak memberi kesan ke atas penduduk yang telah menerima Islam sama ada di Borneo atau wilayah lain di Nusantara seperti di Mindanao, Jawa, Sumatera, Sulawesi atau Tanah Melayu. Kertas ini memfokus kepada penyebaran Islam kerana agama ini yang lebih berpengaruh di Nusantara berbanding agama lain. Justeru itu diharap kajian lebih mendalam dapat dilakukan bagi mengenalpasti kesan sebenar imperialisme ke atas penyebaran agam suci ini di Nusantara.

Referensi

- Abdul Latif Abu Bakar dan Hanipah Hussin, 2004. *Kepimpinan Adat Melayu Serumpun*. Melaka: Institiut Seni Malaysia Melaka
- Awang Abdul Aziz Bin Awang Juned, 1992. *Islam Di Brunei Jilid I*. Seri Begawan: Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Perak Sultan Brunei dan pusat Sejarah Brunei Darusslam.
- Bastin, J. and Benda, Harry J. 1977. *A History of Modern Southeast Asia: Colonialism, Nationalism, and Decolonialization*. Sydney: Prentice-Hall.
- Bock, C. 1985. *The Head-Hunters of Borneo: A Narrative of Travel up the Mahakkam and Down the Barito; also Joumeyings in Sumatra* (rerprint from 1881 edition). Singapore: Oxford University Press.
- H. Aqib Suminto, 1985. *Islam Di Indonesia Politik Hindia Belanda Het Kantoor voor Inlandsche zaken*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hipkins, James R, 1972. The History of the Chinese in Borneo. *Sarawak Museum Journal*. Vol. XIV Nos. 38-39, pp. 109-151
- Hussin Mutalib, 2008. *Islam in Southeast Asia*. Southeast Asia Background Series No. 11. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Kamrani Buseri, Humaidy & Ahmad Juhaidi, 2006. *Islam dan Keragaman Budaya Lokal Di Kalimantan*". Dim. Komaruddin Hidayat & Ahmad Gaus AF ed. *Menjadi Indonesia: 13 Abad Eksistensi Islam di Bumi Nusantara*. Jakarta: Mizan.
- King, Victor. T. 1993. *The Peoples of Borneo*. Oxford: Blackwell.
- Legge, J.D. (1981) *Indonesia* (terj.).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lockard, Craig. A. 1971. Charles Brooke and the Foundations of the Modern Chinese Community in Sarawak, 1863-1917. *Sarawak Museum Journal* Vol XIX Nos 38-39.
- Lockard, Craig.A. 1971. The Early Development of Kuching 1820-1857, *JMBRAS* Vol. 49.
- Louis, WM Roger, 1973. *Imperialism: The Robinson and Gallagher Controversy*. New York: Franklin Watts.
- Moor, J.H. 1837. *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*. Singapore: Frank Cass and Company Limited.
- Muhiddin Yusin, 1990. *Islam Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Pole-Evans, R.J, 1956. "The Supreme Council, Sarawak". *Sarawak Museum Journal*, Vol 7, Nos 7-9, June 1956, pp.89-108.
- Robequain, C. 1954. *Malaya, Indonesia, Borneo, and the Philippines* (translated by E.D. Laborde). London: Longmans.
- Snyder, Louis L. 1973. *The Imperialism Reader*. New York: Kennikat Press.
- Tarling, N. 2001. *Imperialism in Southeast Asia*. London: Routledge.
- Varney, Peter D. () The Anglican Church in Sarawak from 1848 to 1852. *Sarawak Museum Journal*, pp.377-401.

PROYEKSI